

NAMA:		KELAS:	
-------	--	--------	--

PENILAIAN PBD OGOS 2021
BAHASA MELAYU
TAHUN 3
PDPR 2021

BAHAGIAN A

Soalan 1 hingga 20

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Syakir dan Zaidi Hakimi belajar di _____ yang sama sejak dari tahun satu hingga kini.
 A dewan C sekolah
 B tadika D kantin

- 2 Khazanah purba negara banyak tersimpan di _____.
 A Masjid Negara C Perpustakaan
 B Zoo Negara D Muzium Negara

- 3 Danish dan rakan-rakannya bermain bola sepak. _____ bermain di padang permainan.
 A Mereka C Dia
 B Beliau D Kami

- 4 Dewi ialah anak angkat Encik Muthu dan Puan Rani. Ibu bapa _____ meninggal dunia setahun yang lalu.
 A beliau C kita
 B nya D saya


- 5 Daggu atuk luka terkena pisau semasa dia _____ janggutnya.
 A mencabut C memotong
 B mencukur D menggunting

- 6 Mak Cik Limah asyik _____ tikar mengkuang di bawah pokok di tepi pondoknya.
 A menenun C menyirat
 B menganyam D menyulam

- 7 Lampin adik berbau _____ kerana dia telah kencing.
 A hapak C kering
 B hanyir D hancing

- 8 Banyak manfaat yang kita peroleh _____ ceramah itu.
 A dari C antara
 B daripada D akan
- 9 Amira suka menjahit _____ kakaknya suka mengumpul Majalah Saji.
 A dan C manakala
 B tetapi D kecuali
- 10 _____ anak Puan Zaharah bertugas sebagai doktor pakar di Hospital Serdang.
 A Kedua C Dua
 B Kedua-dua D Sesetengah
- 11 Hang Tuah telah diutuskan oleh Sultan Mahmud Shah untuk _____ Puteri Gunung Ledang.
 A menimang C peminangan
 B meminang D dipinang
- 12 Ayah _____ sebuah basikal kepada adik kerana berjaya khatam Al Quran.
 A menghadiahkan C dihadihkan
 B menghadiahi D dihadiahi
- 13 Gadis itu _____ ke pejabat kerana sudah lewat.
 A terkial-kial C tercungap-cungap
 B terkinja-kinja D terkocoh-kocoh

14



- _____ itu sesak dengan kenderaan yang menuju ke pasar raya di Tebrau.
 A Jejambat C Kekuda
 B Jejantas D Kekisi

15 Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.

- A "Wah, besarnya Stadium Negara," kata Rina.
- B "Wah! Besarnya Stadium Negara," kata Rina.
- C "Wah. Besarnya Stadium Negara," kata Rina.
- D "Wah, besarnya Stadium Negara!" kata Rina.

16 Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.

- A Ibu membeli garam, gula, dan cuka di kedai runcit itu !
- B ibu membeli garam, gula dan cuka di kedai runcit itu.
- C Ibu membeli garam, gula dan cuka di kedai runcit itu?
- D Ibu membeli garam, gula dan cuka di kedai runcit itu.

17. Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.

- A Nah! Terimalah balasan jika berbuat jahat!
- B Cis, besarnya kayu yang disepak engkau?
- C Aduhai, malang sampai begini nasibku!
- D Wah, malang sungguh nasib engkau.

18 "Awak berasal dari _____?" tanya Umaira kepada jiran barunya.

- | | |
|---------|----------|
| A siapa | C bila |
| B mana | D berapa |

19 Kedai hiasan dalaman di seberang jalan _____ dihias sangat cantik.

- | | |
|-------|----------|
| A itu | C begitu |
| B ini | D begini |

20 Jambangan bunga mawar yang terletak di atas meja itu sungguh _____ baunya.

- | | |
|---------|---------|
| A sihat | C harum |
| B lemah | D mekar |

(PEMAHAMAN BAHAGIAN B)

Soalan 21

(a) Tulis **BETUL** atau **SALAH** pada ruang yang disediakan bagi penggunaan **kata ganti diri** yang bergaris dalam ayat di bawah.

(i) Perdana Menteri telah sembuh selepas _____ **beliau** diberi rawatan di Hospital Kuala Lumpur.

(ii) "Ayah, izinkan **kita** menyertai aktiviti perkhemahan di sekolah pada hujung minggu ini," kata Aina kepada ayahnya.

(iii) Jahitan Mimi masih tidak kemas kerana **dia** baru seminggu belajar menjahit baju.

(iv) "Kesihatan **beta** semakin pulih," kata Puan Aliza.

(v) "**Kamu** hendak ke mana?" tanya Amir kepada Syah.

Soalan 22

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisikan pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

dengan	untuk	pada
daripada	tentang	dari

31 Ogos merupakan Hari Kebangsaan. Pada hari itu, saya sekeluarga berkunjung ke Dataran Merdeka. Kami ke sana _____ menaiki kereta. Kami bertolak _____ rumah _____ awal pagi. Ramai orang berkunjung ke situ _____ meraikan sambutan Hari Kebangsaan.

Saya sungguh kagum dan gembira menyaksikan acara perarakan dan persembahan tarian _____ pelbagai kaum. Selain itu, beberapa orang penyajak menyampaikan puisi-puisi _____ kemerdekaan.

Soalan 23

Pilih **penjodoh bilangan** yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- (i) Suzana mempunyai se_____abang yang tinggal di Kuala Lumpur.
(kawan / orang)
- (ii) Mak Limah membawa se_____payung kerana cuaca kelihatan mendung. (kaki / laras)
- (iii) Johan hanya memakan beberapa_____mangga kerana buah itu amat masam. (hiris/biji)
- (iv) Razak mengirim se _____ poskad kepada sahabatnya di Kedah.
(helai/keping)

Soalan 24

Lihat perkataan bergaris kemudian tandakan (/) pada ejaan yang betul dan (x) pada ejaan yang salah.

- (i) Seni anyaman ialah hasil kerja tangan tradisional masyarakat Malaysia.
()
- (ii) Pasukan pengakap berasa gembira sambil dapat berkemah di hutan lipur.
()
- (iii) "Cis, pergi engkau dari sini!, kata pandekar itu."
()
- (iv) Sofia meneliti maklumat yang terdapat pada label tin biskut itu.
()
- (v) Kemalangan itu melibatkan sebuah kereta dengan sebuah motorsikal.
()